



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Bahagian Biasiswa  
Aras 2, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 6000  
Hotline : 603-8888 1616 / 6787  
Faks : 603-8870 6839

Ruj. Kami : KPT.B.600-33/1 JLD 2 ( 1 )  
Tarikh : 14 Julai 2016

Tuan/Puan,

**PROGRAM ADVANCED DIPLOMA / PROFESSIONAL CERTIFICATES BAGI  
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DI POLITEKNIK DAN  
KOLEJ KOMUNITI - PROFESSIONAL CERTIFICATES IN DATA SCIENCE DI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), SKUDAI, JOHOR.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mempelawa permohonan daripada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) gred DH41 dan ke atas untuk dipertimbangkan mengikuti program *Professional Certificates In Data Science* di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor.

3. Untuk makluman, syarat-syarat dan tatacara permohonan adalah seperti di **Lampiran A**. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk menyebarluaskan mengenai tawaran biasiswa ini kepada calon-calon yang berkelayakan di Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing.

4. Sebarang pertanyaan berhubung tawaran ini bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut :

- (i) Cik Jihan Ajla binti Mohd Nordin di talian 03-88706336 atau emel [jihan@mohe.gov.my](mailto:jihan@mohe.gov.my) ; atau
- (ii) Puan Nur Amirah binti Johar di talian 03-88706338 atau emel [amirah@mohe.gov.my](mailto:amirah@mohe.gov.my)

5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(NUREEZAN BINTI DAUD)**

Bahagian Biasiswa  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

**PROGRAM ADVANCED DIPLOMA / PROFESSIONAL CERTIFICATES  
BAGI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**Syarat-Syarat Permohonan**

**Syarat Umum:**

Hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

**Syarat Khusus:**

1. Pemohon mestilah dalam bidang Teknologi Maklumat atau Sains;
2. Perlu minat dan komited dengan pengurusan Data Sains;
3. Berumur tidak lebih daripada 46 tahun pada tarikh tutup permohonan;
4. PPPT Gred 41 dan ke atas;
5. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
6. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dalam skim PPPT (gred 41 dan ke atas) pada tarikh tutup permohonan;
7. Mencapai Gred A dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (purata minimum 85 markah) bagi tempoh 3 tahun genap perkhidmatan (penilaian LNPT genap 12 bulan) berturut-turut;
8. Memiliki syarat kelayakan akademik dan mengajar pengkhususan dalam bidang berkenaan;
9. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005** (jika berkenaan);
10. Mematuhi syarat yang ditetapkan dalam **Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Penjawat Awam**;
11. Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh 5 tahun kebelakang mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa;
12. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
13. Perlu bersedia untuk ditempatkan semula setelah tamat program merujuk kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan.

### **Tatacara Permohonan**

Pegawai yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah melengkapkan borang permohonan beserta dokumen sokongan yang diperlukan dan dikemukakan ke alamat seperti di bawah pada atau sebelum **25 Julai 2016**.

**Bahagian Biasiswa**

**Kementerian Pendidikan Tinggi**

**Aras 2, No. 2, Menara 2**

**Jalan P 5/6, Presint 5**

**62200 W.P. Putrajaya**